

KES TRIBUNAL KOPERASI T- 05 - 2010
Dalam Mahkamah Tribunal Koperasi, Kuala Lumpur

Sashikala A/P Nadarajan Pemohon

Dengan

Koperasi Wawasan Pekerja-pekerja Berhad Responden

No. Rujukan : T. 05 Tahun : 2010

ALASAN AWARD (Majoriti)

Pada 21 Ogos 2007, Pemohon telah memperolehi pinjaman peribadi daripada Responden untuk jumlah sebanyak RM59,000 (Perjanjian Pertama). Tempoh pembayaran balik pinjaman tersebut adalah 10 tahun. Bayaran ansuran sebanyak RM983.33 sebulan telah dibuat melalui potongan gaji Pemohon oleh Angkasa. Kadar faedah yang dikenakan untuk pinjaman tersebut adalah sebanyak 10% untuk tempoh pinjaman 10 tahun (120 bulan) daripada tarikh 21 Ogos 2007.

Bila Pemohon memohon untuk satu salinan perjanjiannya daripada Responden , dia telah diminta mendapatkan salinan tersebut daripada RCE Marketing Sdn Bhd. Akhirnya, satu salinan perjanjian tersebut diberikan kepadanya pada 25.6.2009 melalui agen Kowaja bernama Raymond Wong daripada RCE Marketing Sdn Bhd.

Walaupun pinjaman Pemohon adalah sebanyak RM59,000, jumlah yang dibayar ke dalam akaun Maybanknya adalah sebanyak RM 47,790.00 sahaja. Dia telah diberitahu oleh agen Kowaja iaitu Eric bahawa sejumlah wang sebanyak 19% daripada wang pinjaman tersebut telah dipotong oleh Kowaja sebagai fi pemprosesan pinjaman termasuk komisyen agen, 3 bulan ansuran bayaran pertama, duti setem dan insuran.

Pada 13 Oktober 2008, Pemohon telah ditawarkan pinjaman tambahan sebanyak RM12,165.43 dan tempoh masa bayaran balik adalah 74 bulan (Perjanjian Tambahan). Dengan itu, keseluruhan jumlah pinjaman peribadi Pemohon daripada Responden adalah RM71,165.43. Pemohon telah membuat bayaran ansuran selama 19 bulan melalui potongan oleh Angkasa. Setelah membayar selama 19 bulan, Pemohon telah memberitahu Responden bahawa dia ingin membuat penyelesaian awal dalam bulan Ogos 2009.

Pemohon telah menerima surat penyelesaian awal daripada Responden bertarikh 14 April 2009. Pemohon diminta membayar RM93,017.05 bagi menyelesaikan hutangnya. Pemohon tidak puas hati dengan jumlah yang dikenakan kerana dia telah membayar ansuran bulanannya dengan sepenuhnya dan berasa tidak puas hati bila diminta oleh Responden untuk membayar jumlah yang jauh lebih tinggi daripada keseluruhan jumlah pinjamannya, iaitu RM71,165.43. Setelah Pemohon merayu terhadap jumlah ini, dia telah diminta membayar RM84,506.39.

Pemohon telah membuat aduan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) berkenaan perkara itu. Akibat daripada aduan tersebut, Responden telah mengurangkan jumlah penyelesaian awal tersebut kepada RM84,506.39. Walaupun Pemohon masih tidak berpuas hati dengan jumlah yang dikenakan tersebut, dia telah mematuhi nasihat SKM untuk menyelesaikan jumlah tersebut dan menuntut balik jumlah lebihan bayaran melalui suatu tindakan di Tribunal ini.

Tribunal ini mendapati bahawa nasihat yang diberikan oleh SKM kepada Pemohon adalah betul kerana jika jumlah tersebut tidak diselesaikan terlebih dahulu, maka Pemohon tidak akan dapat menyelesaikan urusan pinjamannya dengan Responden. Akan tetapi, Tribunal ini mendapati bahawa penyelesaian tersebut tidak menghalang atau menjejaskan Pemohon daripada menfailkan suatu tuntutan di Tribunal ini. Maka Tribunal ini telah terus mendengar tuntutan Pemohon dalam kes ini.

Menurut keterangan yang dikemukakan oleh Responden, cara Responden mengira jumlah terhutang sebanyak RM84,506.39 oleh Pemohon adalah seperti berikut:

“I have used a method similar to the hire purchase method of calculating interest whereby the payment by the Borrower will be applied to pay off the interest on a decreasing scale and the principal sum in the manner set out in exhibit R6. Therefore in September 08, the borrower had paid only RM365.67 towards the principal sum owing, leaving the balance RM58,634.23. I have added RM58,634.23 to the additional loan taken by the borrower giving a new balance of RM70,799.73. The interest chargeable is RM106,199.60 ($10\% \times 15 \text{ years} \times \text{RM}70,799.73$).

As at August 09 which is the date of early settlement, the amount of loan owing is RM166,182.77. This amount is based on appendix 2 which is on page 3 of exhibit R6. Kowaja has given a rebate of RM81,889.08 to the borrower and the borrower was asked to only pay a settlement sum of only RM84,293.69 together with an early payment charge of RM212.70 making a total payment of RM84,506.39”.

Tribunal ini mendapati bahawa pengiraan yang diberikan oleh saksi Responden adalah tidak betul. Pengiraan Responden adalah berdasarkan pengiraan bagi tempoh 15 tahun, iaitu jika tiada penyelesaian awal. Dalam kes ini, bila ada penyelesaian awal, Responden tidak mempunyai apa-apa hak lagi untuk mengenakan faedah kerana wang pinjaman telahpun dipulangkan kepada Responden. Bila saksi Responden menyatakan bahawa “The interest chargeable is RM106,199.60 ($10\% \times 15 \text{ years} \times \text{RM}70,799.73$)”, dia telah menggunakan tempoh sepenuhnya pinjaman tersebut untuk mengira faedah tertunggak.

Bila saksi Responden seterusnya menyatakan bahawa, “As at August 09 which is the date of early settlement, the amount of loan owing is RM166,182.77,” ini jelas

menunjukkan bahawa Responden telah mengira faedah tertunggak bagi tempoh selepas daripada tarikh pembayaran awal untuk mengenakan faedah ke atas Pemohon walaupun Pemohon telah memulangkan dan menjelaskan wang pinjamannya kepada Responden dalam bulan Ogos 2009 dengan sepenuhnya.

Pernyataan saksi bahawa “I have used a method similar to the hire purchase method of calculating interest whereby the payment by the Borrower will be applied to pay off the interest on a decreasing scale and the principal sum in the manner set out in exhibit R6”, menunjukkan bahawa dengan pengenaan faedah dalam cara ini, kadar faedah yang dikenakan oleh Responden adalah melebihi 10% setahun dan dengan itu bercanggah dengan apa yang diperuntukkan dalam Perjanjian Pinjaman di antara Pemohon dan Responden.

Peguam Responden tidak dapat menunjukkan bukti atau nas undang-undang bahawa prinsip dalam jual-beli (hire purchase) terpakai dalam kes-kes pengiraan faedah bagi pinjaman di antara koperasi dan anggotanya di mana adalah tersirat bahawa pengiraan dan pengenaan faedah oleh koperasi ke atas anggotanya tidak bercanggah dengan filosofi dan prinsip-prinsip koperasi yang mengutamakan kebajikan anggotanya. Seksyen 2(g) Akta Koperasi 1993 (Akta 502) memperuntukan bahawa salah satu prinsip koperasi adalah “mengambil berat terhadap masyarakat” dan oleh kerana tumpuan SKM adalah ‘satu komuniti, satu koperasi’, maka kebajikan anggota sebagai sebahagian daripada masyarakat perlu diambil kira semasa Tribunal menelitikan sesuatu pertikaian yang dirujuk kepada.

Semasa memberikan penjelasan dan penekanan kepada Penghujahan Bertulis Responden (PBR), peguam Responden telah merujuk kepada dokumen terakhir dalam PBR. Mengikut peguam Responden, dokumen itu adalah daripada Citibank bagi pengiraan rebet bagi pembayaran balik pinjaman yang lebih awal. Jumlah rebet yang diberikan adalah 20%. Responden telah memberikan rebet kepada Pemohon sebanyak 77% dan ini adalah diskaun atau rebet yang amat tinggi.

Apabila peguam Responden diminta memberi penjelasan berkenaan beberapa perkataan yang digunakan dalam dokumen tersebut, peguam Responden telah tidak dapat memberitahu Tribunal ini sepertimana dicatat di dalam Nota Prosiding (NP) seperti berikut:

“Saya tidak tahu apa itu ‘MOW’ dan dokumen itu adalah ekstrak daripada dokumen yang biasanya digunakan oleh bank. Dokumen itu mengandungi cara pengiraan diskaun yang biasanya adalah sesuatu yang dirahsiakan daripada peminjam bank”.

Tribunal ini tidak dapat menerima hujahan Peguam Responden berkenaan perkara ini kerana tidak ada apa-apa fakta atau bukti yang menunjukkan bahawa terma perjanjian dalam kes ini adalah sama dengan terma perjanjian dalam dokumen yang dikemukakan oleh Peguam Responden. Adalah jelas bahawa sesuatu kontrak hendaklah ditafsirkan mengikut termannya yang tersendiri iaitu “within the four walls of the contract” dan bukannya terikut-ikut dengan peruntukan kontrak yang mana tidak dikemukakan kepada Tribunal ini dan yang melibatkan pihak yang bukannya satu pihak dalam kes ini.

Tambahan lagi, hujahan Peguam Responden bahawa Tribunal seharusnya mengambil ‘judicial notice’ mengenai fakta bahawa secara amalan pembayaran balik bagi ‘unsecured loan’ iaitu pinjaman tanpa cagaran seperti mana dalam kes ini hendaklah dikendalikan dengan cara yang sama seperti mana yang dilakukan oleh institusi kewangan dan bank tempatan tidak dapat diterima oleh Tribunal ini. Ini adalah kerana pinjaman yang telah diberikan oleh sesebuah Koperasi kepada anggotanya tidak sama seperti suatu ‘unsecured loan’. Pembayaran balik pinjaman dalam kes ini adalah secara potongan gaji melalui Angkasa. Mengikut keterangan yang dikemukakan, potongan daripada gaji Pemohon masih diteruskan selama empat bulan selepas pembayaran penuh pinjamannya kepada Responden. “Receivables” Responden ataupun RCE Marketing dalam kes ini adalah terjamin

terhadap gaji yang akan diterima oleh Pemohon dan oleh ini tidak boleh disamakan dengan 'unsecured loan' yang dimaksudkan oleh peguam Responden.

Dalam 'unsecured loan', tiada mekanisma pemotongan gaji oleh Angkasa. Dan tiada persetujuan terdahulu diberikan oleh peminjam membenarkan majikannya memotong gajinya setiap bulan dan seterusnya mengirimkan wang tersebut kepada bank pada sumber. Di sebaliknya, dalam kes ini Pemohon yang merupakan seorang pegawai Kerajaan telah mengizinkan potongan gajinya dibuat oleh Angkasa dan wang itu akan terus dibayar kepada Responden. Gaji tersebut tidak akan dimasukkan oleh majikan Pemohon ke dalam akaun Pemohon tetapi akan diremitkan secara terus ke dalam akaun Angkasa untuk membayar Responden. Oleh ini, Tribunal ini mendapati bahawa tidak boleh disamakan pinjaman dalam kes ini dengan pinjaman yang dimaksudkan oleh peguam Responden dalam hujahannya.

Tribunal ini juga mendapati bahawa sesuatu pengenaan faedah mestilah jelas dan telus mengikut apa yang diperuntukkan di dalam perjanjian atau sesuatu Akta di mana ada peruntukan di dalam Akta. Dalam kes ini, Akta Jual Beli 1967 (Akta 212) tidak terpakai kerana pinjaman ini tidak diliputi oleh Akta tersebut. Oleh ini, pengiraan hendaklah seperti di dalam Perjanjian. Jika terdapat pengiraan yang dirahsiakan daripada peminjam, Tribunal ini tidak dapat mengesahkan sama ada pengiraan tersebut menurut terma kontrak atau tidak. Maka Tribunal ini tidak dapat terima hujahan peguam Responden mengenai cara pengiraan diskaun yang biasanya adalah sesuatu yang dirahsiakan daripada peminjam bank sebagai sesuatu yang menjadi prinsip yang terpakai dalam kes-kes koperasi kerana ianya bukan sahaja tidak adil kepada anggota tetapi juga bercanggah dengan prinsip-prinsip koperasi.

Mengikut Fasal 2.4 Perjanjian Pertama, faedah atas pinjaman adalah seperti yang terkandung di dalam Perkara 6 Jadual iaitu 10%. Perjanjian Tambahan mempunyai fasal tambahan berkenaan dengan faedah penalti manakala perjanjian pertama tidak

mempunyai fasal sedemikian. Mengikut Fasal 1.4, Perjanjian Tambahan, peruntukan berkenaan faedah penalti adalah seperti berikut:

“Faedah penalti seperti di dalam Perkara 6 Jadual, akan dikenakan ke atas kesemua jumlah baki pinjaman yang tertunggak sekiranya anggota melanggar terma-terma yang terkandung di dalam klausa 4 Perjanjian Utama. Faedah penalti ini dikira ke atas faedah seperti di dalam Perkara 6 Jadual Perjanjian Utama / Perjanjian Tambahan.”

Fasal ini tidak terpakai terhadap Pemohon sebab dalam kes ini pemohon tidak melanggar terma-terma yang terkandung di dalam klausa 4 Perjanjian Utama. Semua bayaran ansuran telah dijelaskan oleh Pemohon dalam tempoh yang ditetapkan.

Fasal 1.6 dalam Perjanjian Tambahan adalah berkenaan Penyelesaian Awal di mana diperuntukkan bahawa -

“Sekiranya Anggota menjelaskan dengan sepenuhnya jumlah pinjaman di bawah Perjanjian Utama dan/atau Perjanjian Tambahan sebelum tarikh matang pinjaman maka Anggota bersetuju membayar yuran pengendalian seperti di dalam Perkara 8(a) Jadual dan yuran penyelesaian awal di dalam Perkara 8(b) Jadual.”

Jadual kepada Perjanjian Tambahan telah tidak memperuntukkan apa-apa kadar atau jumlah dan dibiarkan kosong sahaja. Oleh ini, Tribunal ini memutuskan bahawa “early payment charge of RM212.70” yang telah dikenakan oleh Responden ke atas Pemohon tidak boleh dikenakan sebab tiada peruntukkan dalam perjanjian yang membenarkan Responden membuat demikian.

Mengikut pengiraan Pemohon jumlah ansuran yang dibayarnya untuk 19 bulan adalah RM18,683.27. Oleh ini, jumlah pembayaran awal adalah seperti berikut:

Pinjaman Asal	RM 59,000
Tolak ansuran potongan gaji ke atas pokok bagi 19 bulan (Potongan gaji RM 983.33 dibuat mulai 12/2007 sehingga 9/2009)	RM 2, 242.00
Pinjaman asal yang belum dijelaskan	RM 56, 758.00
Tambah Jumlah Pinjaman tambahan	RM 12, 165.43
Tambah Kadar faedah pinjaman tambahan (9 bulan) (10% x RM 12, 165.43 x 9/12)	RM 912.00
Jumlah sepatutnya dibayar untuk penyelesaian awal	RM 69, 835.43
Jumlah yang telah dibayar kepada Kowaja untuk penyelesaian awal	RM 84, 506.39
Jumlah yang dituntut daripada Kowaja	RM 14, 670.96

Menurut Pemohon, oleh kerana Responden berhak untuk mengenakan faedah sebanyak 10% setahun atas pinjamannya, maka jumlah yang perlu ditolak daripada bayaran ansurannya untuk membayar faedah sebanyak 10% adalah RM865.33 dan baki RM118.00 daripada jumlah bayaran ansuran keseluruhan sebanyak RM983.33 telah diagihkan untuk pembayaran pinjaman pokok. Setelah pembayaran sebanyak 19 bulan, maka jumlah pokok pinjaman yang tertunggak hanyalah RM69,835.43. Oleh itu, dia berhak menuntut balik baki RM14,670.96. Oleh kerana kedua-dua pihak bersetuju bahawa 12% daripada bayaran ansuran adalah untuk bayaran pokok dan 88% adalah untuk bayaran faedah, maka pengiraan yang dibuat oleh Pemohon seperti di atas dapat diterima oleh Tribunal ini.

Adalah tidak adil jika Pemohon diminta membayar suatu jumlah yang lebih daripada apa yang dipinjamkan pada tarikh penyelesaian awal dalam kes di mana dia tidak

pernah engkar membuat bayaran ansuran bulanannya dan Angkasa telah remitkan wang bayaran ansuran itu tanpa gagal sehingga terlebih bayar walaupun tempoh pinjaman telah ditamatkan.

Pengerusi Tribunal ini dan seorang ahli Panel Tribunal ini, iaitu wakil panel Koperasi yang mendengar kes ini iaitu Prof Madya Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan, telah membuat keputusan membenarkan tuntutan Pemohon berdasarkan pengiraan Pemohon di atas. Seorang lagi ahli panel, Tuan Haji Ibrahim bin Haji Kasah, iaitu wakil daripada SKM telah menolak tuntutan Pemohon. Alasan Awardnya akan dibaca oleh ahli panel wakil SKM pada hari ini.

Mengikut Peraturan 10 Peraturan-Peraturan Tribunal Koperasi 1998 iaitu PU(A) 166/98, keputusan Tribunal ini adalah mengikut keputusan majoriti. Maka secara majoriti, tuntutan Pemohon sebanyak RM14,670.96 seperti di atas dibenarkan dengan kos.

Bertarikh pada 30hb Ogos 2010.

TAN GHEE PHAIK

Pengerusi Tribunal Koperasi